

# CHOOI & COMPANY

Advocates & Solicitors, Notary Public,  
Registered Trade Mark and Industrial Design Agents

PLEASE QUOTE OUR REFERENCE WHEN REPLYING

YOUR REF: IPJ/KS/08/2012

OUR REF: EB

DATE: 29 November 2012

## PARTNERS:

CHOOI MUN SOU  
IRA BISWAS  
CHRISTOPHER LEONG SAU FOO  
GERARD LOUIS AMBROSE  
NICOLE WEE SUE-REN  
LIM TUCK SUN  
YAP HUI LU  
TAN YANN LEE  
EDMUND BON TAI SOON  
SHAMALA DEVI BALASUNDARAM

## SENIOR ASSOCIATES:

CHAI PEI YING  
ELIZABETH HUANG TING TING  
VIVIAN WONG TZE WERN  
  
ASSOCIATES:  
JUSTINE SHAHIRAH BINTI GHAZALI  
FIRDAUS BINTI HUSNI  
MAH SOON SIN  
LEU CHONG LIENG  
NIAM SEET LOONG  
DAYRION YEOH WERN ZIANG  
CHAN YEN HUI  
ONG EE JOE  
TAN HUI XIAN  
YZARA KEDUNG KHOO HWEE FERN

## DENGAN FAKS (03-8889 3706) & POS

### Arsad bin Kamaruddin

Ketua Penolong Pengarah (Pematuhan)  
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia  
Kementerian Dalam Negeri  
Bahagian Penguatkuasaan  
Aras 2, Bangunan Chancery Place  
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik  
62542 Putrajaya

Tuan,

### **Arahan Menghadiri Penyiasatan Di Bawah Sek. 66 Akta Pertubuhan 1966**

Kami mewakili Amer Hamzah Bin Arshad, seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

Kami merujuk kepada Notis di bawah seksyen 66 Akta Pertubuhan 1966 ("Akta tersebut") yang dikeluarkan oleh pihak Tuan bertarikh 28.11.2012 kepada anakguam kami ("Notis tersebut"). Sila ambil perhatian bahawa alamat anakguam kami dalam surat tersebut adalah salah dan anakguam kami tidak lagi beralamat di situ.

Kami diarahkan oleh anakguam kami seperti berikut:

1. Menurut Notis tersebut, pihak Tuan telah membuat keputusan untuk mengeluarkannya bagi tujuan siasatan berhubung Muar Rpt: 10952/12 ("Aduan Muar tersebut") mengenai Suara Rakyat Malaysia (SUARAM).
2. Anakguam kami membantah pengeluaran Notis tersebut dan Notis tersebut atas dasar-dasar berikut:
  - 2.1 Ia adalah tidak jelas dari Notis tersebut atas kapasiti apa anakguam kami dikehendaki hadir ke pejabat Tuan sepetimana yang dinyatakan dalam Notis tersebut. Penggunaan kuasa di bawah seksyen 66 Akta tersebut adalah tertakluk kepada prasyarat-pra-syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam sub-seksyen (1) kepada seksyen 66 Akta tersebut dan pihak Tuan tidak mematuhi. Anakguam kami bukan seorang saksi yang boleh memberikan maklumat berkenaan siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak Tuan.
  - 2.2 Pada masa material, anakguam kami, sebagai peguam, mewakili Suara Inisiatif Sdn Bhd, yang merupakan sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Malaysia 1965 yang mempunyai nama singkatan (acronym) "SUARAM" or "Suara Rakyat Malaysia" ("SUARAM"). Oleh yang demikian, sekiranya wujud apa juia siasatan terhadap

SUARAM, ianya harus dijalankan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") dan bukannya pihak Tuan. Dalam ertikata lain, pihak Tuan tidak mempunyai *locus standi* atau kuasa untuk menjalankan siasatan ini, apatah lagi apabila anakguam kami difahamkan bahawa pihak SSM telahpun menjalankan siasatan ke atas SUARAM.

- 2.3 Selanjutnya, apajua khidmat guaman yang diberikan oleh anakguam kami kepada SUARAM adalah dilindungi di bawah dan tertakluk kepada "*legal professional privilege*".
- 2.4 Merujuk kepada perenggan 3 (sub-perenggan 4.2) Notis tersebut, yang merujuk kepada surat kepada Mr. William Bourdon bertarikh 10.12.2009, kami mengulangi pendirian anakguam kami bahawa dokumen tersebut adalah dilindungi di bawah dan tertakluk kepada "*legal professional privilege*". Walau apa pun, kami difahamkan bahawa sesalinan surat tersebut telahpun disebarluaskan secara awam oleh pihak-pihak yang tidak dikenali (oleh anakguam kami) di atas laman web internet.
- 2.5 Merujuk kepada perenggan 3 (sub-perenggan 4.3) Notis tersebut, yang merujuk kepada dokumen lain yang berkaitan SUARAM, anakguam kami tidak mempunyai dokumen-dokumen tersebut dalam milikannya.
- 2.6 Setakat ini, anakguam kami telah difahamkan melalui laporan-laporan media dan kenyataan-kenyataan media oleh pihak-pihak relevan bahawa:
  - (a) Pihak Tuan telahpun merakamkan percakapan dari anggota-anggota dan wakil SUARAM, antara lainnya Cynthia Gabriel, R. Sivarasa, Kua Kia Soong dan Nalini Elumalai.
  - (b) Pihak Tuan telahpun juga menerima dokumen-dokumen berkenaan SUARAM dari anggota-anggota dan wakil SUARAM.
  - (c) Semua maklumat-maklumat berhubung dengan kewujudan atau operasi SUARAM boleh diperolehi dari SSM ataupun dari individu-individu yang telahpun dipanggil oleh pihak Tuan.
  - (d) Sebelum anakguam kami dipanggil untuk merakamkan percakapannya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan iaitu Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah membuat kenyataan-kenyataan yang telah disiarkan di media bahawa siasatan berkenaan SUARAM sudah mencapai satu tahap di mana terdapat keterangan dan bukti untuk mendakwa SUARAM.
- 2.7 Berdasarkan perkara-perkara di atas dan untuk rekod, anakguam kami tidak mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang boleh membantu siasatan pihak Tuan. Anakguam kami bukan seorang pengarah, kakitangan, anggota atau wakil SUARAM yang mempunyai apa-apa pengetahuan atau dokumen-dokumen relevan yang boleh membantu siasatan pihak Tuan. Kehadiran dan rakaman percakapan anakguam kami adalah tidak perlu dan tidak relevan.
- 2.8 Pihak Tuan telah gagal mematuhi kehendak seksyen 66(1) Akta tersebut terutamanya kerana pihak Tuan tidak ada sebab untuk mempercayai bahawa anakguam kami adalah seorang saksi yang boleh memberikan maklumat berkenaan siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak Tuan.
- 2.9 Oleh itu, keputusan pihak Tuan untuk mengeluarkan Notis tersebut adalah salah di sisi undang-undang, tidak mengikut prosedur, tidak munasabah dan tidak rasional.

Pihak Tuan diminta untuk menarik balik Notis tersebut dalam masa 48 jam dari penerimaan surat ini.

- 2.10 Jika pihak Tuan tidak ingin menarik balik Notis tersebut, sila nyatakan secara bertulis alasan-alasan atau sebab-sebab kepercayaan mengapa pihak Tuan masih berpendapat bahawa anakguam kami adalah seorang saksi yang boleh memberikan maklumat berkenaan siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak Tuan.
3. Memandangkan di atas, anakguam kami tidak akan menghadiri sesi soal siasat pada 30 November 2012 dan juga kerana tarikh dan masa adalah tidak sesuai. Anakguam kami tidak akan berada di Kuala Lumpur pada tarikh dan masa tersebut. Dari segi undang-undang, perenggan 4 Notis tersebut adalah tidak terpakai dan tidak relevan dalam keadaan ini kerana seksyen 66(5) Akta tersebut hanya terpakai dalam keadaan di mana suatu perintah di bawah seksyen 66(4) Akta tersebut dikeluarkan.
4. Anakguam kami merizabkan semua hak-haknya dan akan mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah jika perlu.

Sekian, terima kasih.

Yang benar  
b/p Chooi & Company



Edmund Bon  
DID: +60 3 2055 3913  
Faks: +60 3 2055 3880  
E-mel: ebon@chooi.com.my

sk. Anakguam